

## RON95 naik 1 sen setiap minggu mula Januari depan

RIDAUDDIN DAUD | 27 November 2019



Kerajaan akan mengapungkan harga petrol secara berperingkat sebanyak satu sen seminggu sebaik sahaja Program Subsidi Petrol (PSP) dilaksanakan Januari tahun hadapan.

AA

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan akan mengapungkan harga petrol secara berperingkat sebanyak satu sen seminggu sebaik sahaja Program Subsidi Petrol (PSP) dilaksanakan Januari tahun hadapan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Chong Chieng Jen berkata, kementerian memutuskan menaikkan harga bahan api itu sehingga harga petrol RON95 mencapai harga pasaran.

"Keputusan mengapungkan harga minyak bagi meringankan kos hidup rakyat selain mengelak harga barang tidak naik secara mendadak.

"Kita akan mengapungkan harga petrol secara berperingkat sebanyak sen satu seminggu sehingga harga RON95 sampai harga pasaran," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Rubiah Wang (GPS-Kota Samarahan) yang ingin mengetahui mekanisme kementerian bagi mengelak harga barang meningkat selepas pelaksanaan PSP.

Chieng Jen juga menegaskan, kementerian mempunyai Akta Kawalan Harga supaya peniaga tidak mengambil kesempatan dan mengaut keuntungan berlebihan selepas pelaksanaan PSP.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail sebelum ini menjelaskan, penjimatan program subsidi berupaya memberi manfaat kepada rakyat termasuk untuk Inisiatif Peduli Rakyat dan pembangunan infrastruktur kemudahan awam.

Katanya, menerusi program tersebut yang dibuat secara bersasar, kerajaan dapat mengelakkan banyak ketirisan sekaligus menyelamatkan peruntukan subsidi pengangkutan daripada penyeludup petrol, warga asing dan golongan T20 yang menggunakan kenderaan yang mempunyai kapasiti enjin serta tangki minyak yang besar.

Saifuddin juga memaklumkan PSP hanya berkuat kuasa di Semenanjung sahaja yang bakal meringankan beban kira-kira 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memiliki kenderaan.

**Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/59305/BERITA/Nasional/RON95-naik-1-sen-setiap-minggu-mula-Januari-depan>**

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf

